

1066- KEFAHAMAN AMALAN BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT FELDA WILAYAH JENGA PAHANG

MUHAMMAD SYAFIQ BIN FAUZI

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
20bs02050@student.kuis.edu.my

NORITA BINTI KAMARUDDIN

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
norita@kuis.edu.my

ABSTRAK

Wakaf merupakan suatu proses pemindahan pemilikan mana-mana harta milik manusia kepada pemilikan Allah SWT. Wakaf sangat memberi kesan yang efektif dalam perkembangan sosioekonomi dan sosial masyarakat Islam. Namun, ia tidak akan memberi apa-apa makna dan impak maksima sekiranya masyarakat tidak cakna dan endah berkenaan dengan amalan berwakaf. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis tahap kefahaman masyarakat FELDA Wilayah Jengka terhadap amalan wakaf. Kajian ini dilaksanakan menggunakan metodologi gabungan kuantitatif dan kualitatif. Menerusi kajian ini, seramai 108 responden bagi mewakili sampel kajian yang telah diuji menggunakan kaedah soal selidik. Data-data yang diperolehi dalam kalangan masyarakat di FELDA Wilayah Jengka dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 27. Hasil kajian menunjukkan, 79.6% bersamaan 86 orang masyarakat FELDA Wilayah mengetahui hukum hakam wakaf dengan sangat baik. Hanya 20.9% bersamaan 22 orang yang tidak mempunyai kefahaman yang baik tentang wakaf. Kajian ini diharap dapat membantu pihak berkepentingan untuk menggalakkan masyarakat FELDA terus memperkukuhkan ekonomi dan tanggung jawab sosial melalui pelaksanaan wakaf.

Kata Kunci: Kefahaman, Amalan Wakaf, FELDA, Wilayah Jengka

PENDAHULUAN

Sedekah merupakan sebahagian daripada amal soleh yang dituntut. Salah satu amal sedekah yang boleh diimplementasikan adalah dengan berwakaf mengikut kemampuan setiap individu seiring peralihan zaman. Wakaf merupakan komposisi muamalat Islam yang perlu diberi perhatian yang lebih mendalam agar dapat merencanakan lagi taraf ekonomi masyarakat dan negara hingga menjadikan ia sebuah institusi kewangan Islam yang unggul. Polisi fiskal sesebuah negara Islam juga boleh diperkasakan melalui metode wakaf yang berperanan sebagai sumber kewangan dalam *Siyasah Maliyah*. *Siyasah Maliyah* merupakan sebuah pentadbiran atau pengurusan sesebuah negara yang mana ia berkait rapat dengan pengumpulan, pengagihan dan pengurusan sumber kewangan negara. Apabila berlakunya pemindahan harta milik persendirian kepada milik ramai, itulah yang dikatakan wakaf. Lanya tidak terikat kepada tujuan tertentu, wakaf boleh sahaja bertujuan untuk sosial atau ekonomi. Elemen ekonomi itu termasuk pendidikan, kesihatan, pelancongan dan lain-lain. Adapun begitu, wakaf tidak terpakai untuk tujuan maksiat kerana maksiat tersebut akan melenyapkan hikmah dan tujuan wakaf.

Kefahaman yang mampan terhadap konsep wakaf sangat bernilai bagi menjamin kesinambungan amalan berwakaf dapat bergerak maju sesuai dengan peredaran zaman. Pelbagai persoalan yang timbul dalam misi memandaikan ummat ini. Antara perkara yang sering menjadi pertanyaan ialah konsep wakaf, adakah wakaf hanya berputar sekitar konstruksi keagamaan seperti tanah perkuburan, masjid, madrasah tahfiz dan lain-lain. Tidak dilupakan, ada juga yang mempersoalkan sejauh mana sumbangan wakaf dalam membina peradaban yang unggul.

Universiti Al-Azhar di Mesir menjadi kesaksian keberhasilan wakaf yang masih teguh hingga ke generasi kini. Buktinya, perbadanan wakaf Mesir sudah membiayai keseluruhan perbelanjaan universiti tersebut sejak ditubuhkan kira-kira 1000 tahun lebih yang lalu. Perkara ini menjawab persoalan yang timbul dalam membina peradaban yang unggul, kerana Universiti Al-Azhar telah melahirkan ribuan token ilmuwan yang agung dan berwibawa dalam penyebaran agama ke seluruh pelusuk dunia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan metodologi gabungan kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini juga menggunakan beberapa metode pengumpulan data untuk mengumpulkan data primer hasil daripada kajian yang dilaksanakan. Antara metode yang digunakan ialah metode kajian perpustakaan, metode dokumentasi dan metode soal selidik. Data-data yang diperolehi dalam kalangan masyarakat di FELDA Wilayah Jengka dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) Versi 27*.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai pihak telah melaksanakan kajian demi mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat terhadap amalan wakaf. Kajian-kajian sebelum ini sedikit sebanyak telah memberi impak positif kepada institusi wakaf dalam memberi kesedaran serta semangat untuk mengembangkan lagi hartanah wakaf yang sedia ada. Secara tidak langsung, ia dapat membantu institusi wakaf menarik minat orang awam untuk bergiat aktif dan merencanakan kegiatan berwakaf tidak kira apa jua latar belakang pewakaf.

Menurut kajian daripada Siti Syuhada et al. (2018) menyatakan negara Malaysia mampu mencapai negara maju melalui pembangunan ekonomi ummah yang diterajui oleh institusi wakaf. Namun sayangnya, kajian mereka mendapat respon yang kurang memberangsangkan kerana masyarakat Malaysia masih ramai lagi tidak memahami secara jelas konsep asas berkaitan wakaf secara umumnya. Hal ini mencetuskan tanggapan yang mundur seolah-olahnya wakaf hanya bersifat tradisional seperti wakaf tanah perkuburan dan masjid sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji cuba memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan berwakaf menurut perspektif Islam. Dalam masa sama, kajian ini mempromosi wakaf melalui aplikasi model AIDA sebagai pendedahan wakaf kontemporari.

Nor Aishah Ismail et al. (2015) berpendapat elemen kerohanian perlu digabungkan dalam elemen kebendaan untuk membina institusi wakaf yang unggul seperti mana yang pernah

wujud sejak zaman Rasulullah SAW. Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui aspek-aspek penting yang mampu mendorong masyarakat untuk berwakaf. Pengkaji mendapati kepercayaan kepada agama yang kuat serta kerohanian yang tinggi menjadikan salah satu faktor responden mengamalkan hidup sederhana dan tidak berat hati dalam mengorbankan sebahagian harta untuk *Fisabilillah*. Dalam masa yang sama, pengkaji juga menyeru pihak berwajib untuk terus bergiat aktif dalam mempromosikan wakaf agar dapat meningkatkan lagi penglibatan masyarakat untuk berwakaf.

Kajian oleh Hilal Azizi et al. (2017) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan wakaf untuk mengkaji konsep wakaf tunai yang mula diaplikasikan di kebanyakan institusi pengajian tinggi. Kajian ini menumpukan perhatian kepada sumbangan wakaf tunai di Kolej Universiti Islam Selangor untuk mendapatkan informasi berkenaan faktor yang mendorong wakaf tunai dilaksanakan di kolej tersebut. Wakaf tunai membawa maksud sumbangan wakaf menggunakan wang ringgit yang diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan wang tersebut untuk dikumpulkan dan hasil kutipan tersebut dipindahkan untuk dijadikan harta kekal ataupun pengurusan aktiviti-aktiviti berkaitan wakaf (Azri Ahmad, 2008). Penyelidikan ini sedikit berbeza dengan kajian yang pengkaji jalankan kerana ia lebih memfokuskan tentang wakaf tunai itu sendiri dan kajian pengkaji lebih bersifat umum yang berjudul Kesedaran Amalan Berwakaf Dalam Kalangan Masyarakat FELDA.

Antara kajian empirikal mengenai kefahaman berwakaf secara berfokus adalah jurnal kajian yang dibuat oleh Suraini Saufi et al. (2021). Ketika mana isu ketidakpercayaan terhadap institusi keagamaan diperdebatkan, pengkaji mengambil langkah berani untuk mengkaji tahap kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan institusi wakaf. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat masih lagi memberi kepercayaan yang baik kepada pengurusan institusi wakaf dalam mengelolakan harta wakaf di Malaysia ini. Bersangkutan dengan itu, kepercayaan itu terbina disebabkan majoriti responden yang diselidik mempunyai tahap pengetahuan yang sangat membanggakan serta kefahaman yang baik terhadap definisi dan konsep wakaf. Namun begitu, jurnal ini lebih terarah kepada isu kepercayaan wakaf sahaja dan tidak memfokuskan kepada perbincangan wakaf menurut perspektif hukum syara'.

Noor Azura Zainuddin et al. (2022) telah menyelesaikan sebuah kajian yang bertajuk 'Isu Dan Cabaran Dana Wakaf Ilmu UiTM Cawangan Perlis'. Kajian ini direncanakan asbab teretusnya perkembangan wakaf yang berinovasi hingga tertubuhnya dana wakaf. Dana wakaf ini adalah bertujuan menjana pendapatan untuk pengurusan wakaf itu sendiri. Namun, di dalam kajian ini lebih terarah kepada isu dan cabaran dana wakaf ilmu sejak ia ditubuhkan sekitar tahun 2016 yang lalu. Fokus kajian penulis adalah kesedaran masyarakat terhadap amalan berwakaf. Ini menunjukkan kajian yang dijalankan oleh penulis berbeza dengan khususnya dengan kajian ini.

Seterusnya, Azyyati Anuar et al. (2020) telah mendapat cetusan idea menulis sebuah artikel yang berjudul 'Kajian Konseptual Tentang Kesedaran Berwakaf Dalam Kalangan Kakitangan UiTM Cawangan Kedah' setelah mendapat arahan untuk menjalankan kutipan wakaf bagi Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub yang merupakan projek di bawah kelolaan UiTM Shah Alam. Dengan projek ini, warga universiti bakal menikmati manfaatnya melalui penajaan sumber pendapatan yang dijalankan. Pengkaji memudahkan responden untuk

menjawab soalan dengan menggunakan *Google Form* sebagai platform soal selidik. Kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah dengan memilih kakitangan yang berjawatan tetap sebagai responden kajian. Kajian yang dilakukan ini hampir sama dengan kajian yang ingin penulis laksanakan, namun berkemungkinan mendapat perbezaan analisis yang ketara kerana berbeza tahap pendidikan.

Menurut kajian daripada Asykin Mahmood et al. (2013) menyatakan bahawa wakaf telah melalui satu transformasi yang membawa perubahan sejajar arus permodenan seperti wakaf korporat yang memberi implikasi positif kepada ekonomi negara. Pemilikan kekal ekuiti oleh masyarakat muslim membuktikan bahawa inovasi wakaf ini membawa masalah yang besar. Secara tidak langsung, masalah harta wakaf sedia ada dapat diatasi dengan baik melalui kewujudan wakaf korporat ini serta memperbaiki taraf ekonomi negara. Ini membuktikan bahawa wakaf tidak hanya terikat kepada aktiviti keagamaan semata-mata, bahkan menonjolkan sifat komprehensif dan relevan dalam apa jua keadaan. Walau Bagaimanapun, kajiannya tidak mengemukakan tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf korporat bagi menyebarkan lagi maklumat berkenaan wakaf jenis ini.

Mohamad Zaim Ismail et al. (2015) menyatakan bahawa selain daripada sedekah dan zakat, kejayaan jaminan sosial Islam juga ditunjangi oleh institusi wakaf. Disebabkan itulah, masyarakat perlu lebih cakna untuk mengambil tanggungjawab agar mengetahui sejauh mana institusi wakaf ini telah bergerak. Kini, wakaf telah berkembang pesat ke pelusuk dunia, tidak lagi diketepikan seperti dahulu kala yang hanya dianggap sebagai ibadah sampingan semata-mata. Pentadbiran wakaf yang cukup efisien mampu memberikan pulangan yang lumayan. Seandainya wakaf diberi keistimewaan hebahan sepertimana produk perbankan, nescaya institusi wakaf jauh lebih maju dan mendapat tempat di setiap hati masyarakat serta dapat merencanakan lagi ekonomi umat Islam khususnya.

Di samping itu, Saiful Abdullah (2016) menyatakan bahawa penjana ekonomi dapat dilaksanakan melalui pembangunan tanah wakaf. Akan tetapi, menjadi permasalahan di mana berlakunya kesukaran dalam usaha membangunkannya sehingga pelaksanaannya terbantut dan terbengkalai. Kajian mendapati rata-ratanya syarikat pemaju menghadapi masalah dari sudut undang-undang, kewangan dan juga fizikal. Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat dapat membantu pihak berwajib dalam membina sebuah model terbaik untuk menguruskan harta wakaf. Secara tidak langsung dapat menjadikan harta wakaf sebagai pembangunan yang berkomersial serta menarik minat pemaju untuk memajukan hartanah wakaf. Walaupun begitu, kajiannya tidak menyentuh berkenaan tahap kefahaman pemaju terhadap produk wakaf yang dijalankan bagi meningkatkan lagi keazaman untuk memajukan hartanah wakaf yang lain.

Secara keseluruhannya, bagi menjamin kelangsungan sesebuah harta wakaf perlulah diurus dengan pengurusan yang betul (Rabiatul Hasanah Mahmood et al., 2017). Sebuah negara yang mapan pembangunannya mempunyai elemen tadbir urus yang baik. Perhatikan kelompongan dan keterbantutan dalam kemajuan institusi wakaf, pengkaji ingin menilai tahap kawalan dalaman terhadap tadbir urus dalam membina legasi wakaf yang terbilang. Kajian ini penting bagi memastikan pengurusan wakaf di Malaysia yang lebih baik, bersistematik dan berintegriti serta seterusnya menjamin kelangsungan harta wakaf di

Malaysia. Seterusnya, dapat memberi kesedaran kepada penggiat industri ini untuk mengamalkan kawalan dalaman yang baik agar mudah untuk mengurus pentadbiran organisasi itu sendiri.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif

Kajian mengenai tahap kesedaran amalan wakaf masyarakat Felda Wilayah Jengka. Hasil dapatan kajian ini diperolehi melalui set soalan soal selidik pada bahagian B dan C dengan menggunakan 5 skala utama iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), dan Sangat Setuju (SS). Responden hanya perlu memilih satu jawapan dengan menandakan jawapan pada ruang yang telah disediakan berdasarkan skala likert yang telah diberikan.

Pengkaji menjalankan kajian pengukuran ini bagi menilai interpretasi seperti nilai min yang menggunakan skala likert 1 hingga 5 sebagaimana yang ditunjukkan di dalam soal selidik. Pengkaji turut mengkategorikan serta menentukan nilai min setiap pemboleh ubah yang dikaji dan mengintegrasikan skor min ke dalam empat tahap seperti yang dipaparkan dalam jadual 1 di bawah :

Jadual 1 : Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Skor min tahap rendah adalah nilai skor min yang berada pada 1.00 hingga 2.00. Manakala skor min pada tahap sederhana pula bermula pada nilai skor 2.01 hingga 3.00 dan nilai min 3.01 hingga 4.00 berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, nilai skor yang berada pada tahap tinggi bermula dengan skor min 4.01 hingga 5.00. Analisis deskripsi ini dijalankan di bahagian utama yang terdapat di dalam borang soal selidik iaitu bahagian B .


Jadual 2 : Tahap kefahaman masyarakat Felda Wilayah Jengka terhadap pengetahuan am tentang wakaf.

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B1	Saya mengetahui bahawa konsep wakaf adalah menahan hak pewakaf ke atas hartanya untuk tujuan kebajikan.	5 (4.6%)	4 (3.7%)	12 (11.1%)	33 (30.6%)	54 (50%)	4.18	1.07	Tinggi

B2	Saya memahami hukum wakaf adalah sunat.	0 (0%)	0 (0%)	13 (12%)	38 (35.2%)	57 (52.8%)	4.41	0.69	Tinggi
B3	Saya memahami rukun wakaf adalah pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima wakaf dan sighth.	0 (0%)	2 (1.9%)	20 (18.5%)	39 (36.1%)	47 (43.5%)	4.21	0.80	Tinggi
B4	Saya mengetahui bahawa pewakaf hanya boleh mewakafkan harta yang dimiliki secara penuh.	6 (5.6%)	6 (5.6%)	10 (9.3%)	33 (30.6%)	53 (49.1%)	4.12	1.14	Tinggi
B5	Saya mengetahui harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada ahli waris.	3 (2.8%)	5 (4.6%)	18 (16.7%)	25 (23.1%)	57 (52.8%)	4.19	1.05	Tinggi
B6	Saya mengetahui bahawa wakaf boleh diberikan dalam pelbagai bentuk harta termasuklah wang dan saham.	5 (4.6%)	1 (0.9%)	14 (13%)	35 (32.4%)	53 (49.1%)	4.20	1.02	Tinggi
B7	Saya sangat yakin bahawa wakaf bukan sedekah jariah.	27 (25%)	8 (7.4%)	26 (24.1%)	20 (18.5%)	27 (25%)	3.11	1.50	Sederhana Tinggi
B8	Saya mengetahui harta wakaf boleh dijual beli.	66 (61.11%)	19 (17.6%)	10 (9.3%)	4 (3.7%)	9 (8.3%)	1.81	1.25	Rendah

(Sumber : Statistical Package for the Social Sciences (SPSS Version 27)

Rajah 1 : Saya mengetahui bahawa konsep wakaf adalah menahan hak pewakaf ke atas hartanya untuk tujuan kebajikan.



(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)


Berdasarkan Rajah 1, peratusan paling tinggi dalam kalangan responden memilih pilihan jawapan sangat setuju dengan kadar peratusan sebanyak 50%, ini membuktikan majoriti responden memahami konsep wakaf dengan baik. Seterusnya, 30.6% daripada jumlah

responden memilih pilihan jawapan setuju. Manakala sebanyak 11.1% responden yang kurang pasti mengenai konsep wakaf adalah menahan hak pewakaf ke atas hartanya untuk tujuan kebajikan. Walaupun begitu, terdapat juga segelintir responden yang memilih pilihan jawapan tidak setuju dan sangat tidak setuju yang mana peratusan bagi tidak setuju adalah sebanyak 3.7% dan peratusan bagi sangat setuju sebanyak 4.6%.

Pengkaji berpendapat responden yang memilih pilihan jawapan tidak pasti disebabkan mereka keliru dengan konsep wakaf sebenar. Manakala, pengkaji berpendapat responden yang memilih pilihan jawapan tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan asas berkaitan wakaf menurut konsep Islam.

Graf di atas juga menunjukkan interpretasi secara langsung responden mengenai konsep wakaf berada pada tahap tinggi kerana skor min bagi pernyataan di atas adalah 4.18.


Rajah 2 : Hukum wakaf adalah sunat.



(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Rajah 2 menunjukkan tahap kefahaman masyarakat Felda Wilayah Jengka berkenaan hukum wakaf menurut Islam. Dapatan hasil maklum balas responden menunjukkan keputusan yang positif kerana majoritinya memilih pilihan jawapan sangat setuju hukum wakaf adalah sunat. Dengan kadar peratusan melebihi separuh jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 52.8% menunjukkan mereka benar-benar faham perkara asas berkaitan wakaf. Seterusnya, sebanyak 32.5% responden memilih pilihan jawapan sangat setuju dan sebanyak 12% memilih pilihan jawapan tidak pasti. Pengkaji berandaian bahawa responden yang memilih pilihan jawapan tidak pasti ini kerana mereka terkeliru samada wakaf hukumnya sunat ataupun harus. Skor min bagi pernyataan ini adalah 4.41 dan ini menunjukkan bahawa responden memahami hukum bagi amalan berwakaf.


Rajah 3 : Saya memahami rukun wakaf adalah pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima wakaf dan sighth.



(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Pernyataan ketiga ini adalah soalan yang berkaitan dengan rukun-rukun wakaf. Berdasarkan Rajah 3 ini, sebanyak 43.5% responden yang memilih pilihan jawapan sangat setuju, manakala sebanyak 36.1% responden memilih setuju sahaja sebagai pilihan jawapan bagi pernyataan rukun wakaf terdiri daripada pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima wakaf dan sighth. Adapun begitu, terdapat juga responden yang tidak pasti berkenaan rukun-rukun wakaf iaitu sebanyak 18.5% daripada keseluruhan responden. Tidak terkecuali, seramai 2 orang iaitu bersamaan 1.9% responden yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa responden yang memilih jawapan tidak pasti ini bukanlah kerana mereka tidak mengetahui pengetahuan asas tentang wakaf, akan tetapi mereka terkeliru rukun-rukun dengan syarat-syarat wakaf. Skor min bagi pernyataan ini adalah 4.21 dan ini menunjukkan bahawa responden mengetahui bahawa amalan wakaf hanya diterima(sah) sekiranya ia disertakan dengan rukun-rukunya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Rajah 4 : Saya mengetahui bahawa pewakaf hanya boleh mewakafkan harta yang dimiliki secara penuh.




(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Melalui rajah 4 di atas, terdapat juga responden yang memilih pilihan jawapan sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti. Jumlah peratusan yang sama bagi responden yang memilih sangat tidak setuju dan yang memilih tidak setuju iaitu sebanyak 5.6%. Manakala sebanyak 9.3% responden berada di atas pagar iaitu tidak pasti samada boleh atau tidak

mewakafkan harta yang bukan milik penuh pewakaf. Bagi ketiga-tiga kelompok ini, pengkaji berandaian bahawa mereka kurang mendapat pendedahan dan ilmu berkenaan wakaf kerana masih lagi ragu-ragu dan beranggapan bahawa boleh mewakafkan harta yang bukan milik penuh si pewakaf. Walaupun begitu, pemilihan jawapan bagi jawapan sangat setuju merupakan pilihan majoriti iaitu sebanyak 49.1%, manakala sebanyak 30.6% responden memilih setuju. Ini menunjukkan majoriti responden sedar bahawa hanya pemilik penuh sesuatu harta itu sahaja yang berhak menggunakan serta mengambil kesempatan dan peluang serta membuat kira bicara terhadap harta miliknya. Skor min bagi pernyataan ini adalah 4.12 dan interpretasi berada pada tahap tinggi.

Rajah 5 : Harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada ahli waris.




(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Merujuk rajah 5 di atas, sebanyak 52.8% responden memilih pilihan jawapan sangat setuju, manakala sebanyak 23.1% responden memilih setuju walaupun kebiasaannya masyarakat umum tidak mengetahui hukum ini. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat FELDA Wilayah Jengka berkaitan wakaf berada di tahap yang sangat baik. Selain itu, sebanyak 16.7% responden yang tidak pasti tentang perkara ini, dan terdapat juga responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dalam hal ini. Namun, ianya adalah jumlah kecil daripada keseluruhan responden dengan kadar peratusan sebanyak 4.6% bagi responden yang tidak setuju dan 2.8% bagi responden yang sangat tidak setuju. Skor min bagi pernyataan ini adalah 4.19 dan interpretasi berada pada tahap tinggi.

Secara asasnya, harta yang diwakafkan telah berpindah milik kepada Allah yang mana harta tersebut digunakan untuk tujuan kebajikan. Oleh yang demikian, ahli waris tidak berhak untuk mewarisi harta yang telah diwakafkan.


Rajah 6 : Saya mengetahui bahawa wakaf boleh diberikan dalam pelbagai bentuk termasuklah wang dan saham.



(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Berdasarkan rajah 6 di atas, majoriti responden mengetahui bahawa wakaf boleh diberikan dalam pelbagai bentuk termasuk wang dan saham. Walaupun pada awalnya, pengkaji menyangkakan responden tidak mengetahui tentang wakaf kontemporari, namun keputusan di atas menunjukkan sebaliknya. Buktinya, sebanyak 49.1% responden sangat bersetuju serta 32.4% memilih untuk bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala baki daripadanya iaitu sebanyak 13% tidak pasti samada wang dan saham boleh diwakafkan ataupun tidak. Selain itu, sebanyak 0.9% responden tidak setuju dan 4.6% memilih sangat tidak setuju wakaf boleh diberikan dalam pelbagai bentuk termasuk wang dan saham. Skor min bagi pernyataan ini adalah 4.20 dan tahap interpretasi berada pada tahap tinggi.

Rajah 7 : Saya sangat yakin bahawa wakaf bukan sedekah jariah.




(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Merujuk Rajah 7, menunjukkan bahawa kebanyakan responden di FELDA Wilayah Jengka tidak mengetahui bahawa wakaf merupakan sedekah jariah. Hal ini kerana peratusan bagi setiap pilihan jawapan tidak jauh perbezaannya. Hal ini dapat dilihat pada carta di atas, sebanyak 25% responden memilih pilihan jawapan sangat setuju dan 20% bersetuju bahawa wakaf bukan sedekah jariah. Sebanyak 26% responden yang tidak pasti samada wakaf sedekah jariah ataupun tidak. Bagi responden yang tidak bersetuju pula sebanyak 7.4% dan sebanyak 25% responden memilih sangat tidak setuju wakaf bukan sedekah jariah. Hasil dapatan kajian ini memaparkan tahap interpretasi berada di tahap sederhana dan skor min hanya 3.11. Ini dapat membuktikan bahawa kebanyakan responden tidak memahami

dengan baik konsep wakaf merupakan sedekah jariah kerana amalan wakaf menghasilkan pahala yang berpanjangan walaupun pewakaf telah meninggal dunia.

Rajah 8 : Harta wakaf boleh dijual beli



(Sumber : Muhammad Syafiq, 2023)

Berdasarkan peratusan dalam rajah di atas menunjukkan majoriti responden memahami bahawa harta wakaf tidak boleh dijual beli. Pengkaji mengatakan demikian kerana peratusan tertinggi yang dipilih adalah sangat tidak setuju dengan kadar peratusnya sebanyak 61.1% dan sebanyak 17.6% memilih tidak setuju. Bagi responden yang tidak pasti pula, terdapat seramai 10 orang iaitu bersamaan dengan 9.3%. Namun begitu, terdapat juga responden yang memilih untuk bersetuju dengan kenyataan diatas iaitu sebanyak 3.7% dan 8.3% responden beranggapan bahawa harta wakaf boleh dijual beli. Skor min bagi pernyataan ini adalah yang paling rendah di dalam bahagian B iaitu hanya 1.81. Adapun begitu, skor min ini rendah disebabkan majoriti memilih pilihan jawapan tidak setuju. Walhal, pilihan jawapan setuju itu merupakan jawapan yang paling tepat.

KESIMPULAN

Konklusinya, melalui soalan-soalan soal selidik yang telah diberikan melalui platform *Google Form* mendapati bahawa tahap kefahaman serta kesedaran amalan wakaf dalam kalangan masyarakat FELDA Wilayah Jengka adalah pada tahap yang baik dan memuaskan. Hasil kajian menunjukkan, 79.6% bersamaan 86 orang masyarakat FELDA Wilayah mengetahui hukum hakam wakaf dengan sangat baik. Hanya 20.9% bersamaan 22 orang yang tidak mempunyai kefahaman yang baik tentang wakaf. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius agar masalah ini tidak semakin parah. Sekiranya perkara ini diberi perhatian yang lebih, tidak mustahil semakin ramai masyarakat dapat memahami serta mengaplikasikan amalan wakaf dalam kehidupan mereka. Kesannya, wakaf akan lebih berkembang dengan meluas serta dapat dikomersialkan. Secara tidak langsung dapat membangunkan ekonomi Islam dengan lebih baik dan masyarakat dapat menikmati hasil wakaf yang boleh dioptimumkan.

RUJUKAN

- Asykin Mahmood, Hakimi Syafiai. 2013. Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) Ke- VIII. Jilid 1(2013)*, (hlm. 383-396).
- Azyyati Anuar, Rohayati Hussin, Nurul Mazrah Manshor, Noor Hidayah Kasim & Daing Maruak Sadek. 2021. Kajian Konseptual Tentang Kesedaran Berwakaf Dalam Kalangan Kakitangan Uitm Cawangan Kedah. *Journal Voice Of Academia, Vol.17, Issues. 1*, 163-172.
- Mohamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. 2015. Pemerkasaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 1-13.
- Mohd Saiful Abdullah. 2016. *Pembangunan Tanah Wakaf Berdasarkan Model Wakaf Seetee Aisah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Azura Zainuddin, Hasyeilla Abd Mutalib, Rusnadewi Abdul Rashid, Nor Kartini Mohd Rodzi & Nadiyah Hashim. 2022. Isu Dan Cabaran Dana Wakaf Ilmu UiTM Cawangan Perlis. *International Journal Of Law, Government And Communication*, 153-165.
- Nor Aishah Ismail, Azila Abdul Razak & Fidlizan Muhammad. 2015. Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed & Nazifah Mustaffha. 2017. Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 8, 49-58.
- Siti Syuhada Binti Abd Rahman & Junainah Idris. 2018. Aplikasi Model AIDA Dalam Pengurusan Wakaf. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*.
- Suraini Saufi, Nurul Akma Mohamed, Mujiburrahman Saleh, Hamidi Abdul Ghani & Sabree Noor. 2021. Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf di Malaysia. *al-Mimbar*, 50-60.
- Syed Muhammad Hilal Azizi Syed Abdul Aziz, S. A. 2017. Faktor-Faktor Mempengaruhi Sumbangan Wakaf Tunai di KUIS. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah*, hlm. 362-372.